



LAPORAN LIPUTAN MEDIA

KHAMIS / 16 NOVEMBER 2023

- 1. BENIH LEWAT: PESAWAH PERLIS, KEDAH RUGI 40j – UTUSAN MALAYSIA**
- 2. PENGILANG JAMIN NAIK HARGA BELIAN PADI KEPADA RM 1500 SATU TAN – BERITA HARIAN**
- 3. PESAWAH TUNGGU PALONG KELUARKAN AIR SEJAK 15 TAHUN – BERITA HARIAN**
- 4. WUJUD GRED TUNGGAL TANPA PERLU MELABEL – HARIAN METRO**
- 5. HARAP HARGA SILING BPT DINAIKKAN – HARIAN METRO**
- 6. PENGILANG BERAS GESA KERAJAAN NAIKKAN HARGA BPT RM 3.20 – KOSMO**

DISEDIAKAN OLEH:

CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT (MADA)

KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
TARIKH : 16 NOVEMBER 2023
PERKARA : ISU SEMASA

Benih lewat: Pesawah Perlis, Kedah rugi RM40j

Oleh MOHD. HAFIZ
ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@mediamulia.com.my

KANGAR: Kira-kira 71,000 pesawah dalam Kawasan Lembaag Kemajuan Pertanian Muda (MADA) berdepan kerugian sehingga RM40 juta semusim jika mereka lewat mengusahakan sawah disebabkan tiada benih padi.

Isu kelewatan mengagihkan benih kepada pesawah di Kedah dan Perlis bawah MADA yang semuanya berkeluasan 100,000 hektar bukan perkara baharu tetapi berlarutan sejak beberapa tahun lalu.

Bagi keluasan satu hektar bendar, pesawah terpaksa mengeluarkan kos tambahan sebanyak RM400 bagi tujuan membajak semula, kos racun selain pembaziran sumber bekalan air turut berlaku berpunca tiada benih padi.

Isu lewat agih benih padi itu juga bakal menyebabkan hasil beras akan merudum antara 30 sehingga 40 peratus pada musim ini kerana pembelian padi di kilang-kilang juga merosot.

Jika sebelum ini kilang-kilang lazimnya membeli 10,000 tan metrik tetapi musim ini dijangka merudum sekitar 7,000 tan metrik dan jika musim seterusnya lewat lagi kilang diajungka menerima sekitar 4,000 tan metrik padi sahaja.

Oleh itu, Pengerusi Gabungan Pengilang-Pengilang Beras Malaysia, Marzukhi Othman yang mewakili kilang-kilang lain mengesyorkan agar hak dan lesen pengilangan benih padi sah hanya diberikan kepada syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

Bersambung di muka 2

GAMBAR 1

KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
TARIKH : 16 NOVEMBER 2023
PERKARA : ISU SEMASA

Benih lewat: Pesawah Perlis, Kedah rugi RM40j

Dari muka 1

Menurut beliau, antaranya seperti Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), MADA dan Felcra.

Menurut beliau, pengilang benih yang dilantik itu juga hanya membekalkan benih kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) untuk tujuan agihan kepada pesawah setempat.

“Kaedah ini sahaja dilihat mampu menyelesaikan masalah manipulasi bekalan dan harga benih yang tidak terkawal yang dimainkan oleh pengeluar benih swasta dan juga peruncit-peruncit.

“Selain itu, stok benih padi ini juga perlulah dibekalkan satu bulan lebih awal daripada jadual penanaman bagi setiap kawasan supaya petani dapat memulakan tanaman mengikut jadual pengairan yang ditetapkan,” katanya.

Sebelum ini *Utusan Malaysia* melaporkan, kerja-kerja menanam musim kedua padi di Perlis dan Kedah terganggu apabila kira-kira 90 peratus pesawah dalam kawasan MADA tidak mendapatkan bekalan benih padi sah (BPS).

Krisis yang disifatkan paling buruk itu menyebabkan hanya sekitar 7.4 peratus daripada 9,171 pesawah MADA di Perlis dan hanya 10.1 peratus pesawah di Kedah dapat memulakan tanaman padi mulai akhir September lalu.

Kata Marzukhi, sekiranya pihak GLC tidak mempunyai



SEBUAH jentera pemotong mengisi padi ke dalam lori yang dituai di Jalan Parit 5, Sekinchan semalam. - UTUSAN/SADDAM YUSOFF

keupayaan sama ada kepakaran atau kewangan, mereka berhak melantik vendor dari kilang-kilang benih sedia ada bagi mengeluarkan bekalan itu kepada syarikat-syarikat milik kerajaan yang dilantik.

“Apa yang penting, harganya tidak melebihi harga kawalan dan mengikut tempoh masa pembekalan. Kita berharap dengan tersedianya bekalan benih di PPK sebelum bermulanya tanaman kelak mampu meningkatkan hasil pengeluaran padi dan mengelakkan kelewatan jadual penanaman,” katanya.

Mengulas lanjut, kata beliau, isu kelewatan benih padi yang

terus berlarutan sejak beberapa tahun disyaki berpunca masalah manipulasi daripada syarikat-syarikat pembekalan swasta.

Katanya, kerajaan juga perlu mengubah dasar agar hanya satu lesen diberikan iaitu untuk pengeluaran benih sahaja agar mereka lebih fokus menguruskan urusan pembekalan benih ini.

“Sekarang syarikat ini ada dua lesen penghasilan benih dan juga beras menyebabkan ia membuka ruang kepada manipulasi. Isu bekalan benih ini bukan baharu malah setiap musim boleh dikatakan berulang sehingga menyusahkan pesawah,” katanya.

GAMBAR 2

KERATAN AKHBAR

: BERITA HARIAN

TARIKH

: 16 NOVEMBER 2023

PERKARA

: ISU SEMASA

Syor harga siling beras tempatan RM3.20 sekilogram

Pengilang jamin naik harga belian padi kepada RM1,500 satu tan

Tindakan
beri manfaat
semua pihak
dalam rantaian
pengeluaran

Oleh Aizat Sharif
bhnews@bh.com.my

Kangar: Pengilang beras memberi jaminan mereka akan meningkatkan harga belian padi kepada RM1,500 per tan jika harga siling beras putih tempatan dapat dinaikkan kepada RM3.20 sekilogram.

Ini adalah susulan langkah kerajaan yang akan memeliti semua harga siling beras tempatan dinaikkan dalam usaha menjaga masa depan semua pihak dalam rantaian pengeluaran bahan makanan itu terutamanya pesawah.

Pengerusi Pengilang Beras Malaysia, Marzukhi Othman,

bercakta kenaikan harga beras itu dilihat perlu kerana selepas lebih 15 tahun harga silang RM2.60 sekilogram tidak pernah disemak dan dikaji semula oleh kerajaan.

"Perkembangan yang berlaku itu sekali gus memberi kesan bukan sahaja kepada pengilang, tetapi juga pesawah dan kita sebagai pengilang terpaksa menanggung kerugian besar disebabkan harga siling beras tempatan yang rendah itu.

"Pesawah turut berdepan situasi sama di sebalik kenaikan kos input pertanian dan anggaran kos operasi tanaman untuk menghasilkan sekilogram beras adalah 46 sen kerana turut membabitkan beberapa kos lain seperti utiliti dan pelbagai lagi," katanya pada sidang media di sebuah kilang beras di Simpang Empat, di sini, semalam.

Bantu tambah hasil pesawah
Beliau berkata, kenaikan harga siling beras tempatan itu sekurang-kurangnya dapat membantu pesawah menambah hasil dengan



Marzukhi menunjukkan perbezaan beras putih tempatan dengan beras import dari Thailand, Myanmar, Vietnam dan India di Kangar, semalam.

(Foto Aizat Sharif/BH)

Pembelian padi lebih tinggi.
"Kita menyambut baik hasrat Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu untuk menyemak se-

mula harga siling beras tempatan yang kali terakhir disemak pada 2008," katanya.

Sebelum ini, Mohamad berkata, kerajaan akan meneliti syor su-
paya harga siling beras tempatan dinaikkan bagi menjaga masa depan semua pihak dalam rantaian pengeluaran bahan makanan itu, terutamanya pesawah.

KERATAN AKHBAR

: BERITA HARIAN

TARIKH

: 16 NOVEMBER 2023

PERKARA

: ISU SEMASA

Pesawah tunggu palong keluarkan air sejak 15 tahun

Parit Buntar: Palong ada, tapi air tiada. Demikian nasib lebih 50 pesawah di unit Kampung Tok Ngah, Kuala Kurau, di sini yang berputus asa mengusahakan sawah padi seluas lebih 32.374 hektar kerana masalah ketiadaan air.

Lebih malang perkara itu berlarutan lebih 15 tahun dan majoriti pesawah hanya bergantung pada air hujan serta sebuah pam dari pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) yang dibekalkan setiap musim penanaman padi.

Pesawah, Mohd Nazri Ismail, 34, berkata setiap kali bermula musim penanaman padi, pesawah sentiasa gelisah memikirkan masalah itu dan ada terpaksa mengeluarkan kos yang tinggi untuk mengepam air ke lot sawah yang diusahaikan mereka.

“Berpuluh-puluh tahun sudah masalah ini dan agensi berkaitan sudah sedia maklum perkara ini, namun tidak ada tindakan.

“Kami pun tak tahu sampai bila kami nak usahakan



Mohd Nazri terpaksa menyambung paip air untuk disalurkan kepada lot sawah padinya di Kampung Tok Ngah.

(Foto Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi/BH)

sawah padi di sini, sudah la air tiada, hasil pun tak tentu.

“Tempat lain boleh tuai sampai lapan tan metrik sehektar, kami di sini nak dapat tiga tan sehektar pun tak tentu, itu tak kira penyakit-penyakit lain lagi,” katanya ditemui media selepas menerima kunjungan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuala Kurau, Datuk Abdul Yunus serta wakil dari Jabatan Pertanian, JPS dan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kerian, semalam.

Mohd Nazri berkata, pesawah di situ amat meng-

harapkan pam kekal dapat dibina bagi memastikan air sentiasa dapat disalurkan ke lot sawah.

“Sudah lama kami mengharap, surat pun banyak kali dihantar, mesyuarat di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) pun sudah dibangkitkan berkali-kali, namun hampa,” katanya.

Seorang lagi pesawah, Rizalman Sarnudi, 63, berkata ada beberapa wakil dari syarikat swasta beberapa kali datang dan menawarkan sejumlah harga untuk sawah padi di situ untuk dijadikan kawasan perumahan.

KERATAN AKHBAR
TARIKH
PERKARA

: HARIAN METRO
: 16 NOVEMBER 2023
: ISU SEMASA

Oleh Aizat Sharif
am@hmetro.com.my

Kangar

Manipulasi beras putih di peringkat pemborong boleh dicegah melalui pemujudan gred tunggal tanpa perlu melabelnya sebagai Beras Putih Tempatan (BPT) dan Beras Putih Import (BPI) seperti ketika ini.

Gesaan itu dibuat oleh Pengurus Gabungan Pengilang Beras Malaysia, Marzukhi Othman kepada Seksyen Kawalselia Padi dan Beras, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Menurut Marzukhi, selain dapat mengekang manipulasi di peringkat pemborong, pemujudan gred tunggal beras putih ini juga membolehkan pengguna tidak tertipu dengan produk beras yang mereka beli.

"Kami gesa KPKM supaya dapat mewujudkan hanya gred tunggal untuk beras putih tanpa perlu melabelnya sebagai BPT dan BPI," katanya pada sidang media di sebuah kilang beras di Simpang Empat di sini, semalam.

"Ini saya rasas, kita sudah meletakkan satu tanda aras yang tidak sama bagi beras tempatan yang mana umum mengetahui bahawa BPT adalah lebih berkualiti daripada BPI, na-

CEGAH MANIPULASI BERAS PUTIH

Wujud gred tunggal tanpa perlu melabel

mun di Malaysia, ia dilettakkan di kelas yang terbahawal daripada beras lain.

"Pada masa sama, BPI terus mendapat nama walaupun ia sebenarnya adalah beras yang dicampurkan dengan beras tempatan

untuk menepati citarasa rakyat Malaysia.

"Situasi yang berlaku pada hari ini adalah, pemborong memasukkan kandungan beras tempatan dengan beras import dan dinyatakan atau didakwanya sebagai beras import. Ia kemudian dijual pada harga tidak dikawal daripada RM40 sehingga RM48 dalam pasaran runtik," katanya lagi.

Pada masa sama, menurut Marzukhi, pengilang pula disarankan untuk menjual BPI pada harga kawalan iaitu RM2,250 bagi satu tan metrik.

"Ini tidak adil kepada kami sebagai pengilang yang melabur jutaan ringgit serta petani yang mengerjakan sawah bendang dan menghasilkan padi yang berkualiti, namun tidak mendapat tempat yang seimbang dengan beras yang dijual di peringkat runcit.

"Oleh itu, selagi wujudnya dua gred beras putih pada harga yang berbeza, ia

tidak akan menyelesaikan masalah penyelewengan sekiranya berlaku lonjakan harga beras import pada masa hadapan," katanya.

Menurut beliau, isu berras tidak pernah selesai selagi wujudnya ketirisan membabitkan pemborong yang memanipulasi beras tempatan.

"Dengan adanya hanya gred tunggal beras putih, industri padi dan beras negara mampu menjadi lebih stabil serta harmoni," katanya.

Beliau berkata, pada masa sama, pemain industri bermula daripada pesawah, pengilang, pemborong dan peruncit dapat menguruskam tanggungjawab masing-masing dengan lebih terkawal dan terancang.

"Daripada segi penetapan harga bagi beras putih gred tunggal ini, terpulang kepada kerajaan untuk membuat ketetapan itu.

"Selain itu, kami menyambut baik hasrat Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu, yang mahu menyemak semula harga siling BPT yang mana kali terakhir ia dilakukan ialah pada 2008," katanya.



MARZUKHI menunjukkan perbezaan butiran beras putih tempatan dengan beras import dari Thailand, Myanmar, Vietnam dan India. - Gambar NSTP/AIZAT SHARIF

KERATAN AKHBAR

: HARIAN METRO

TARIKH

: 16 NOVEMBER 2023

PERKARA

: ISU SEMASA

Harap harga siling BPT dinaikkan

Kangar: Pengilang beras berharap harga siling Beras Putih Tempatan (BPT) dinaikkan kepada RM3.20 sekilogram berbanding RM2.60 sekilogram ketika ini.

Seterusnya, pengilang beras memberi jaminan yang mereka akan turut meningkatkan harga belian padi kepada RM1.500 bagi satu tan metrik.

Ia susulan langkah kerajaan mengatakan akan meneliti semula harga siling BPT dalam usaha menjaga masa depan semua pihak dalam rantaian pengeluaran bahan makanan itu, terutama pesawah.

Pengerusi Pengilang Beras Malaysia, Marzukhi Othman berkata, kenaikan harga beras itu dilihat perlu kerana selepas lebih 15 tahun, harga siling BPT sebanyak RM2.60 sekilogram tidak pernah disemak dan dikaji semula oleh kerajaan.

"Perkembangan itu sekali gus memberi kesan bukan sahaja kepada pengilang, malah pesawah dan kita sebagai pengilang juga terpaksa menanggung kerugian besar disebabkan harga siling BPT yang rendah.

"Pada masa sama, pesawah turut berdepan situasi sama di sebalik kenaikan kos input pertanian dan operasi tanaman. Anggaran kos untuk menghasilkan sekilogram beras adalah 46 sen kerana ia turut membabitkan beberapa kos lain seperti operasi, utiliti dan pelbagai lagi," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media di sebuah kilang beras di Simpang Empat di sini, semalam.

Katanya, kenaikan harga siling BPT itu sekurang-kurangnya dapat membantu pesawah dalam menambah hasil mereka dengan pembelian padi yang lebih tinggi.

"Kita menyambut baik hasrat Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu, untuk menyemak semula harga siling BPT yang kali terakhir disemak pada 2008," katanya.

Sebelum ini, Mohamad berkata, kerajaan akan meneliti syor supaya harga siling BPT dinaikkan bagi menjaga masa depan semua pihak dalam rantaian pengeluaran bahan makanan itu, terutama pesawah.



BERAS putih tempatan mempunyai kualiti lebih tinggi dan bagus berbanding beras import dari Thailand, Myanmar, Vietnam dan India.

KERATAN AKHBAR

: KOSMO

TARIKH

: 16 NOVEMBER 2023

PERKARA

: ISU SEMASA

Pengilang beras gesa kerajaan naikkan harga BPT RM3.20



MARZUKHI (kanan) menunjukkan perbezaan beras import dan tempatan di kilang berasnya di Simpang Empat, Kuala Perlis semalam.

KUALA PERLIS – Pengilang beras memberi komitmen untuk meningkatkan harga belian padi kepada RM1,500 bagi satu tan metrik sekiranya harga siling Beras Putih Tempatan (BPT) dinaikkan RM3.20 sekilogram.

Pengerusi gabungan tersebut, Marzukhi Othman berkata, kenaikan harga beras itu perlu dilihat kerana selepas lebih 15 tahun, harga siling BPT sebanyak RM2.60 sekilogram tidak pernah disemak dan dikaji semula oleh kerajaan.

Perkembangan itu sekali gus memberi kesan bukan sahaja kepada pengilang, malah pesawahan dan kita sebagai pengilang juga terpaksa menanggung kerugian besar disebabkan harga siling BPT yang rendah.

"Pada masa sama, pesawah turut berdepan situasi sama di sebalik kenaikan kos input pertanian dan operasi tanaman. Anggaran kos untuk menghasilkan sekilogram beras adalah 46 sen kerana ia turut membabitkan beberapa kos lain seperti operasi,

utiliti dan pelbagai lagi," katanya. Beliau berkata demikian pada sidang akbar di sebuah kilang beras di Simpang Empat, di sini semalam.

Katanya, kenaikan harga siling BPT itu sekurang-kurangnya dapat membantu pesawah dalam menambah hasil mereka dengan pembelian padi yang lebih tinggi.

Dalam pada itu, jelas Marzukhi, langkah itu perlu kerana sebarang ruang manipulasi di peringkat pemborong dapat ditutup sepenuhnya.